



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 53  
No. 24

25hb November 2009

TAMBAHAN No. 134  
PERUNDANGAN (A)

**P.U. (A) 410.**

## AKTA SETEM 1949

### PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) 2009**.
- (2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 24 Oktober 2009.

#### Pengecualian

2. (1) Mana-mana surat cara pindah milik ke atas amaun kos yang menjadi sebahagian daripada kos suatu harta menurut pembelian harta tersebut yang telah dikeluarkan dengan perakuan indeks bangunan hijau, oleh Lembaga Arkitek Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Arkitek 1967 [Akta 117], dikecualikan daripada duti setem.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) terpakai bagi apa-apa Perjanjian Jual Beli bagi pembelian harta yang disebut dalam subperenggan itu yang disempurnakan antara seorang pembeli dengan seorang pemaju perumahan atau pemaju hartanah, yang berlesen atau berdaftar di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri, pada atau selepas 24 Oktober 2009 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2014 dan hendaklah diberi kepada pemilik pertama harta tersebut.

(3) Kos yang disebut dalam subperenggan (1) ertinya kos untuk mereka bentuk dan membina harta tersebut bagi maksud mendapatkan perakuan indeks bangunan hijau dan lain-lain kos yang diperakui oleh Lembaga Arkitek Malaysia.

Dibuat 23 November 2009

[Perb. CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2010); LHDN. 01/32.3/4/68-100-3-2;  
PN(PU2)159/XXXV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*